

PELAJARAN 8
CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA
 (Surah al-Mukminun : ayat 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝١ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝٢ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ۝٣ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ۝٤ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ۝٥ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝٦ فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۝٧ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ۝٨ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝٩ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ۝١٠ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝١١﴾

Arti: Seseorang yang beriman dengan iman yang benar (1), dalam shalatnya khushu' (2), menjauhkan diri dari percakapan yang sia-sia (3), mengeluarkan zakat (4), menjaga auratnya (5), kecuali untuk istrinya atau apa yang dimilikinya (6), jika ia mencari sesuatu di luar itu, maka ia adalah orang yang melampaui batas (7), dan mereka yang menjaga janji-janjinya (8), dan mereka yang menjaga shalatnya (9), mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi, orang-orang yang akan mewarisi surga al-Firdaus (10), mereka itulah orang-orang yang akan kekal di dalamnya (11).

INTISARI AYAT

- ❖ Allah SWT menjelaskan bahawa sifat-sifat orang mukmin berjaya iaitu beriman kepada Allah SWT, khusyuk dalam solat, mengeluarkan zakat dan sebagainya.
- ❖ Allah menyatakan bahawa ganjaran syurga firdaus untuk orang-orang yang beriman.

ASBAB NUZUL

- ❖ Rasulullah SAW menunaikan solat dengan memandang ke arah langit kemudian turunklah ayat sebagai petunjuk dalam menunaikan solat. Sejak itu Rasulullah SAW solat dengan menundukkan kepala.

CIRI MUKMIN BERJAYA

- ❖ Khusyuk ketika solat:-
 - iaitu merendah diri dan merendah hati.
 - Dua bentuk khusyuk
 - i) **khusyuk perbuatan hati:** merendah diri kepada Allah SWT dan hatinya tidak terlintas mengingati selainnya.
 - ii) **Khusyuk perbuatan fizikal** adalah ketenangan gerakan semasa ibadah, beradab dan tidak tergesa-gesa.

KEPENTINGAN MENJADI MUKMIN YANG BERJAYA DUNIA DAN AKHIRAT

- ❖ Mencerminkan ketinggian akhlak seseorang muslim untuk dicontoh oleh masyarakat lain.
- ❖ Memperolehi kebahagiaan dunia seperti kekayaan, kemuliaan dan keluarga bahagia.
- ❖ Mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bertamadun yang sentiasa melakukan kebaikan untuk meningkatkan taraf kehidupan.

USAHA UNTUK MENCAPAI CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA

INDIVIDU	MASYARAKAT	NEGARA
☐ Sentiasa berisighfar dan muraqabah kepada Allah SWT pada setiap waktu. ☐ Sentiasa memohon hidayah Allah dengan ikhlas dan sabar	● Mengajak masyarakat membuat amar makruf nahi munkar. ● Membina masyarakat yang berakhlak mulia dengan sikap tanggungjawab dan toleransi.	✓ Memastikan syiar Islam tertegak dalam masyarakat. ✓ Membawa keadilan kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

PENGAJARAN AYAT

- ❖ Setiap mukmin hendaklah khusyuk ketika menunaikan solat agar solatnya diterima oleh Allah SWT.
- ❖ Setiap mukmin mestilah menghindari perkara maksiat dan sia-sia supaya mendapat keberkatan hidup.

LATIHAN PENGUKUHAN

1. Nyatakan intisari ayat di atas. (2 Markah)
2. Terangkan sebab nuzul ayat di atas. (2 Markah)



1. Huraikan mengapa hal ini berlaku berserta hujah dan rumusan. (6 Markah)

Jawapan:

1. Intisari ayat ialah:
 - Allah SWT menjelaskan bahawa sifat-sifat orang mukmin berjaya iaitu beriman kepada Allah SWT, khusyuk dalam solat, mengeluarkan zakat dan sebagainya
2. Sebab nuzul ayat di atas ialah:
 - Rasulullah SAW menunaikan solat dengan memandang ke arah langit kemudian turunlah ayat sebagai petunjuk dalam menunaikan solat. Sejak itu Rasulullah SAW solat dengan menundukkan kepala.
3. Jawapan soalan KBAT:

Hal seperti dalam gambarajah di atas berlaku kerana	
ISI	akal dan hati sentiasa berfikir tentang keduniaan
HURAIAN	Menyebabkan solat tidak dapat dilaksanakan dengan khusyuk.
HURAIAN LENGKAP	Kesannya solat itu akan menjadi sia-sia
DALIL	Firman Allah SWT : surah Taha ayat 14 وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ١٤
HURAIAN DALIL	Ayat bermaksud supaya mengingati Allah SWT ketika solat.
KESIMPULAN	Kesimpulannya, kita mestilah berusaha sebaik mungkin untuk sentiasa khusyuk dalam menunaikan solat agar dapat menjadi mukmin yang berjaya.

